



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**BANGUNAN INDUSTRI  
BAHAGIAN I**

**KETETAPAN UMUM NO. 8/2016**

**TARIKH PENERBITAN: 23 NOVEMBER 2016**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2016 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersial, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Jenis Bangunan yang Layak sebagai Bangunan Industri	1
5. Ringkasan Jenis Bangunan Industri dan Kadar Elaun	14

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

1. **Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan jenis bangunan yang layak sebagai bangunan industri di bawah Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

2. **Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan ACP yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan Jadual 3.

3. **Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bangunan” termasuk apa-apa struktur yang didirikan di atas tanah yang bukan merupakan loji atau jentera.
- 3.2 “Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang disebut dalam seksyen 134 ACP.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Perbelanjaan bangunan yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembinaan atau pembelian sebuah bangunan yang digunakan pada bila-bila masa selepas pembinaan atau pembeliannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai bangunan industri.
- 3.5 “Projek perkhidmatan yang diluluskan” bermaksud sesuatu projek dalam sektor perkhidmatan berhubung dengan pengangkutan, komunikasi, kemudahan awam atau mana-mana subsektor lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- 3.6 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu entiti undang-undang yang berasingan oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

4. **Jenis Bangunan yang Layak sebagai Bangunan Industri**

- 4.1 **Bangunan yang layak sebagai bangunan industri sepertimana yang dinyatakan dalam perenggan 63 hingga 66, Jadual 3 ACP.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

(a) Digunakan sebagai kilang:

- (i) Bangunan yang dilengkapi dengan loji dan jentera untuk menjalankan kerja-kerja pengilangan atau pemprosesan bahan untuk menghasilkan sesuatu produk.

**Contoh 1**

Eco Sdn Bhd mempunyai sebuah kilang yang mempunyai kelengkapan mesin dan jentera untuk memproses minyak sawit. Ia bermula daripada buah tandan segar yang ditekan dan diperah dalam mesin dan kemudian melalui proses penapisan untuk menghasilkan minyak tulen.

Kilang tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (ii) Bangunan lain yang menempatkan jentera atau loji untuk –
- mengilang atau memproses bahan atau produk; atau
  - menghasilkan tenaga yang digunakan bagi tujuan pengilangan atau pemprosesan tersebut.

**Contoh 2**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 kecuali syarikat telah meluaskan perniagaannya dan membeli sebuah jentera untuk memproses minyak sawit untuk menghasilkan marjerin. Jentera tersebut ditempatkan dalam bangunan lain yang terletak bersebelahan dengan kilang memproses minyak sawit milik syarikat itu.

Bangunan yang menempatkan jentera layak sebagai sebuah bangunan industri.

**Contoh 3**

Butterscotch Sdn Bhd membina sebuah bangunan berhampiran dengan kilangnya untuk menempatkan sebuah jentera bagi menjana tenaga yang digunakan untuk memproses produk keju.

Bangunan tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

#### Contoh 4

Lily Sdn Bhd membeli sebuah bangunan untuk menyimpan pakaian terpakai yang dibeli dari luar negara. Sebelum pakaian tersebut dijual, ia diasingkan mengikut keperluan pelanggan.

Pengasingan pakaian sebelum dijual bukan merupakan aktiviti pengilangan atau pemprosesan. Oleh itu, bangunan tersebut tidak digunakan sebagai sebuah kilang dan tidak layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (iii) Bengkel yang digunakan untuk pembaikan atau penyelenggaraan barang-barang, dengan syarat bahawa pembaikan atau penyelenggaraan tersebut tidak dijalankan bersama dengan atau sebagai aktiviti sampingan kepada penjualan barang-barang perniagaan itu.

#### Contoh 5

LaserJet Sdn Bhd mempunyai sebuah bangunan yang menempatkan sebuah bengkel yang menyediakan perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan komputer untuk pelanggannya. Syarikat hanya memperolehi pendapatan daripada kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan komputer tersebut.

Bengkel tersebut bukan dijalankan berhubung dengan perniagaan menjual komputer. Oleh itu, bengkel itu layak sebagai sebuah bangunan industri.

#### Contoh 6

Aktiviti utama Perfect Motor Sdn Bhd adalah menjual dan mengedar kereta. Syarikat juga mempunyai sebuah bengkel yang digunakan untuk membaiki dan menyelenggara kereta.

Aktiviti pembaikan dan penyelenggaraan kereta merupakan aktiviti sampingan kepada aktiviti utama syarikat iaitu menjual dan mengedar kereta. Maka, bengkel kereta itu tidak layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (iv) Bangunan bertempat sama yang digunakan –
- bagi penyimpanan bahan mentah, bahan pembakar atau barang-barang yang diperlukan untuk pengilangan produk atau pemprosesan barang-barang atau bahan; atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- untuk penyimpanan produk itu atau barang-barang atau bahan yang siap diproses sebelum dijual.

“Bangunan bertempat sama” juga disebut sebagai “bangunan dalam perkarangan yang sama” yang secara amnya bermaksud bangunan yang bersambung atau berhampiran dengan atau dalam kawasan yang sama dengan bangunan yang digunakan sebagai kilang.


**Contoh 7**

Mario Sdn Bhd mempunyai sebuah kilang yang digunakan untuk mengilang kertas tisu. Syarikat membeli sebuah bangunan baharu yang digunakan sebagai gudang untuk menyimpan bahan mentah dan produk tisu yang telah siap sebelum dijual.

**Senario 1**


Gudang itu terletak di sebelah kilang dan terdapat jalan masuk yang menyambungkan gudang itu dengan kilang.

Pembinaan jalan yang menghubungkan kilang dengan gudang itu mewujudkan sebuah kompleks perindustrian. Oleh itu, gudang bertempat sama dengan bangunan yang digunakan sebagai kilang layak sebagai sebuah bangunan industri.



### Senario 2

Gudang itu terletak di sebelah dua kilang orang lain dengan kilang syarikat di sepanjang jalan yang sama.



Gudang tidak bertempat sama dengan kilang syarikat sebab ia dipisahkan oleh kilang orang lain. Jalan itu digunakan bukan hanya oleh pekerja syarikat tetapi juga digunakan oleh pekerja kilang orang lain. Oleh itu, ianya tidak layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (b) Digunakan sebagai limbungan, dermaga, pangkalan atau jeti atau bangunan lain yang serupa.
- (i) Limbungan adalah tempat kapal diperbaiki.
  - (ii) Dermaga adalah tempat muatan kapal dipunggahkan.
  - (iii) Pangkalan atau jeti adalah tempat bot dan kapal berlabuh.

Struktur tersebut di atas layak sebagai bangunan industri.

- (c) Digunakan sebagai gudang dan perniagaan adalah terdiri atau terutamanya terdiri daripada penyewaan ruang simpanan kepada orang awam.

Perkataan “orang awam” bermaksud orang ramai atau masyarakat umum. Bagi maksud perenggan ini, ia bermaksud menyewa gudang kepada penyewa yang mempunyai entiti tersendiri daripada pemilik gudang.

### Contoh 8

Star Sdn Bhd (SSB) mempunyai lesen gudang awam untuk menjalankan perkhidmatan sewa gudang. SSB memiliki sebuah



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

bangunan dan menyewakannya kepada Crsytal Warehouse Sdn Bhd (CWSB) yang menggunakan bangunan itu sebagai gudang.

Oleh sebab bangunan yang disewakan digunakan sebagai gudang dan CWSB adalah orang awam, maka bangunan tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (d) Perniagaan terdiri daripada perusahaan membekal air atau elektrik untuk kegunaan orang awam atau menyediakan perkhidmatan telekomunikasi kepada orang awam.

**Contoh 9**

Sri Langkawi Sdn Bhd yang merupakan pembekal kuasa elektrik di Pulau Langkawi memiliki beberapa bangunan yang digunakan untuk menempatkan jentera pengeluaran kuasa elektrik.

Perniagaan syarikat adalah membekalkan elektrik untuk kegunaan orang awam. Oleh itu, bangunan itu layak sebagai bangunan industri.

- (e) Digunakan berhubung dengan kerja-kerja di kebun dan perniagaan itu terdiri atau terutamanya terdiri daripada kerja di kebun yang dilakukan bersama-sama dengan atau tanpa kebun yang lain dengan syarat tiada tuntutan dibuat terhadap perbelanjaan pertanian yang layak.

**Contoh 10**

Berikut adalah contoh bangunan yang layak sebagai bangunan industri:

Setor kebun disediakan bagi menyimpan bahan atau alat yang digunakan untuk pertanian seperti baja, benih, peralatan kebun dan sebagainya.

Pusat pengumpulan bagi kemudahan untuk mengumpulkan hasil, membuat penggredan, membersih, membungkus dan sebagainya.

Jika bangunan itu disediakan untuk kebajikan pekerja atau sebagai tempat kediaman untuk pekerja, sila rujuk kepada subperenggan 4.2(b) dan (c) dalam KU ini.

- (f) Digunakan berhubung dengan kerja-kerja perlombongan dan perniagaan itu terdiri atau terutamanya terdiri daripada kerja perlombongan, yang dilakukan bersama-sama dengan atau tanpa lombong yang lain dengan syarat tiada tuntutan dibuat terhadap perbelanjaan lombong yang layak.

### Contoh 11

Setor untuk penyimpanan bijih lombong selepas kerja-kerja perlombongan merupakan bangunan yang layak sebagai sebuah bangunan industri.

#### 4.2 Bangunan yang disediakan untuk kemudahan pekerja

- (a) Jika sebuah bangunan adalah bangunan industri, apa-apa bangunan yang diperuntukkan sebagai kantin, bilik rehat, bilik rekreasi, tandas, rumah mandi, bilik mandi atau bilik air untuk pekerja adalah dianggap sebagai sebuah bangunan industri [subperenggan 65(1) Jadual 3 ACP].
- (b) Sebuah bangunan yang disediakan untuk kebajikan pekerja yang bekerja di kebun dengan syarat nilai bangunan itu berkemungkinan adalah kecil atau tiada nilai kepada mana-mana orang melainkan jika ia adalah berkaitan dengan pengerjaan kebun itu atau kebun yang lain adalah dianggap sebagai sebuah bangunan industri [subperenggan 65(2) Jadual 3 ACP].
- (c) Bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman pekerja layak sebagai sebuah bangunan industri jika ia adalah -
  - (i) untuk orang yang diupah berkaitan dengan kerja di kebun dengan syarat nilai bangunan itu berkemungkinan adalah kecil atau tiada nilai kepada mana-mana orang kecuali berhubung dengan pengerjaan kebun itu atau kebun lain [subperenggan 65(2) Jadual 3 ACP].
  - (ii) dibina oleh seorang yang telah mempunyai sebuah bangunan industri yang digunakan dalam perniagaannya itu [subperenggan 42(1) Jadual 3 ACP].
  - (iii) dibina atau dibeli oleh seorang yang menjalankan perniagaan pengilangan, perhotelan, pelancongan atau projek perkhidmatan yang diluluskan di bawah Jadual 7B ACP [subperenggan 42A(1) Jadual 3 ACP].

### Contoh 12

Hp-Smile Sdn Bhd merupakan suatu syarikat komunikasi yang diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk menjalankan satu projek perkhidmatan di bawah Jadual 7B ACP. Syarikat itu membeli satu blok pangsapuri untuk digunakan sebagai asrama pekerjanya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

Blok pangsupuri tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

**Nota:**

Jika tempat kediaman diperuntukkan kepada seorang pekerja yang merupakan seorang pengarah, seorang individu yang mempunyai kawalan terhadap perniagaan, seorang individu yang merupakan seorang ahli pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian perniagaan tersebut maka bangunan itu tidak layak sebagai sebuah bangunan industri [subperenggan 42(2) Jadual 3 ACP].

**4.3 Bangunan tertentu yang dianggap sebagai bangunan industri**

- (a) Hospital swasta, rumah bersalin dan rumah rawatan yang berlesen (Perenggan 37A, Jadual 3 ACP)

Pembinaan atau pembelian bangunan yang digunakan sebagai hospital swasta, rumah bersalin dan rumah rawatan layak sebagai bangunan industri dengan syarat perniagaan tersebut hendaklah –

- (i) berdaftar dan dilesenkan oleh mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa berhubung dengan pendaftaran hospital swasta, rumah bersalin dan rumah rawatan; atau
- (ii) diluluskan oleh Ketua Pengarah atas nasihat Ketua Pengarah Kesihatan jika tiada undang-undang seperti di perenggan (i) di atas berkuat kuasa.

Perbelanjaan pembinaan yang dilakukan bagi tujuan di atas hendaklah termasuk perbelanjaan modal untuk pengubahsuaian atau pembaharuan premis yang disewa.

**Contoh 13**

Pusat Pakar Ixora Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan sakitpuan dan perbidanan. Syarikat menyewa empat lot rumah kedai dan telah mengubahsuai rumah kedai itu untuk digunakan sebagai hospital. Syarikat telah berdaftar dan mempunyai lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Perbelanjaan yang dilakukan terhadap pengubahsuaian rumah kedai yang disewa itu layak sebagai sebuah bangunan industri.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

**Nota:**

"Lesen" bermaksud lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

**(b)** Bangunan yang digunakan untuk penyelidikan  
(Perenggan 37B, Jadual 3 ACP)

Bangunan yang dibina atau dibeli digunakan bagi tujuan penyelidikan seperti berikut –

- (i) penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 34A(1) dan 34B(4) ACP; atau
- (ii) penyelidikan yang diusahakan oleh syarikat penyelidikan dan pembangunan atau syarikat kontrak penyelidikan dan pembangunan kontrak sepertimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2, Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327].

Perbelanjaan yang dilakukan atas pembinaan bangunan atau sebahagian daripada bangunan bagi tujuan di atas hendaklah termasuk perbelanjaan modal untuk pengubahsuaian atau pembaharuan premis yang disewa.

Walaupun penyelidikan sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 34A ACP mungkin tidak ada kaitan dengan perniagaan itu, pembinaan bangunan atau sebahagian daripada bangunan dianggap digunakan untuk tujuan perniagaan itu dan layak sebagai bangunan industri.

**(c)** Bangunan yang digunakan sebagai gudang  
(Perenggan 37C, Jadual 3 ACP)

Bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang digunakan oleh seseorang semata-mata untuk tujuan menyimpan barang-barang untuk dieksport atau menyimpan barang-barang yang diimport yang akan diproses untuk edaran atau untuk dieksport semula.

**Contoh 14**

Frozen Industry (M) Sdn Bhd menjalankan perniagaan mengimport dan mengedar makanan laut beku seperti ikan, udang dan ketam yang

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

diimport dari negara China dan Thailand. Syarikat membeli sebuah gudang yang mempunyai kemudahan bilik sejuk yang digunakan untuk proses penggredan dan pembungkusan semula bagi pengedaran kepada pasaran tempatan.

Gudang itu dimiliki oleh sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pemprosesan untuk pengedaran. Oleh itu, gudang itu layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (d) Bangunan yang digunakan untuk projek perkhidmatan yang diluluskan (Perenggan 37E, Jadual 3 ACP)

Bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang digunakan oleh seseorang semata-mata untuk memberi perkhidmatan dan operasi pemodenan berhubung dengan “projek perkhidmatan yang diluluskan” sepertimana yang ditafsirkan di bawah Jadual 7B ACP.

**Contoh 15**

Global Max Sdn Bhd merupakan suatu syarikat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan sebagai sebuah syarikat yang menjalankan ‘projek perkhidmatan yang diluluskan’ dalam subsektor komunikasi iaitu Projek Rangkaian Tetap Telefon Antarabangsa.

Bangunan yang digunakan untuk tujuan projek itu layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (e) Bangunan yang digunakan sebagai hotel (Perenggan 37F, Jadual 3 ACP)

Sebuah bangunan atau sebahagian daripada bangunan digunakan oleh seseorang semata-mata untuk perniagaan hotel dan hotel itu berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan (KPDK).

Bagi tujuan KU ini, ia bermaksud hotel itu perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh KPDK untuk pendaftaran sebagai sebuah hotel.

**Nota:**

Apartmen atau kondotel yang dimiliki oleh seseorang yang menjalankan perniagaan konsep *time-sharing* dan *lease-back* bukan merupakan bangunan hotel untuk tujuan perenggan ini kerana orang itu bukan menjalankan perniagaan dalam operasi perhotelan.

### Contoh 16

Irish Garden Sdn Bhd (IGSB) telah membina sebuah bangunan hotel dan menjalankan perniagaan perhotelan pada Januari 2016 setelah bangunan itu siap dibina pada akhir tahun 2015. Hotel tersebut telah berdaftar dengan KPDK di bawah nama IGSB.

Bangunan tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (f) Lapangan terbang  
(Perenggan 37G, Jadual 3 ACP)

Perbelanjaan modal yang dilakukan berkaitan dengan lapangan terbang termasuk pembinaan, pembinaan semula, pembesaran, baikpulih atau pembelian mana-mana bangunan, landasan atau struktur-struktur sokongan layak sebagai bangunan industri.

- (g) Litar lumba kenderaan bermotor  
(Perenggan 37H, Jadual 3 ACP)

Perbelanjaan modal yang dilakukan berkaitan dengan litar lumba kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Menteri Kewangan termasuk pembinaan, pembinaan semula, pembesaran, baikpulih litar lumba kenderaan bermotor itu atau struktur-struktur sokongan hendaklah dianggap sebagai bangunan industri.

- (h) Pusat Kemudahan Penjagaan Kanak-Kanak  
(Subperenggan 42A(2), Jadual 3 ACP)

Bangunan yang dibina atau dibeli oleh seorang majikan bagi tujuan menyediakan pusat kemudahan penjagaan kanak-kanak kepada pekerjaannya adalah layak sebagai sebuah bangunan industri.

### Contoh 17

Original Classic Sdn Bhd (OC) menjalankan perniagaan menjual kasut sukan. Sebuah bangunan dibeli oleh OC untuk digunakan sebagai pusat kemudahan penjagaan kanak-kanak untuk pekerjaannya.

Bangunan tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (i) Bangunan sekolah atau institusi pendidikan  
(Perenggan 42B, Jadual 3 ACP)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- (i) Bangunan untuk sekolah atau institusi pendidikan adalah merujuk kepada bangunan yang digunakan secara langsung dalam perkhidmatan pendidikan.
- (ii) Sekolah atau institusi pendidikan merupakan tempat yang berfungsi memberikan pendidikan formal serta berperanan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar di sekolah rendah, sekolah menengah, kolej dan universiti.
- (iii) Institusi pendidikan termasuk institusi pendidikan tinggi yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.
- (iv) Sekolah atau institusi pendidikan sama ada yang dibina atau dibeli hendaklah diluluskan oleh Menteri Pendidikan, Menteri Pengajian Tinggi atau pihak berkuasa yang berkaitan.
- (v) Pusat tuisyen tidak tergolong sebagai institusi pendidikan bagi maksud perenggan ini.

**Contoh 18**

Baiduri Sdn Bhd (BSB) menjalankan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan pendidikan. Bangunan yang dibeli pada 2016 telah digunakan oleh BSB untuk menubuhkan sebuah kolej yang menawarkan kursus diploma. Kolej tersebut merupakan institusi pendidikan yang diluluskan oleh Menteri Pendidikan.

Bangunan kolej tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

- (j) Bangunan untuk latihan industri, teknikal atau vokasional (Perenggan 42C, Jadual 3 ACP)

Bangunan yang dibina atau dibeli oleh seseorang bagi tujuan latihan perindustrian, teknikal atau vokasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan layak sebagai sebuah bangunan industri.

**Contoh 19**

Panda Malaysia Sdn Bhd (PM) membeli sebuah bangunan daripada Singa Sdn Bhd (S) untuk digunakan sebagai tempat latihan vokasional bagi perniagaannya. Latihan vokasional yang dijalankan oleh PM adalah latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Bangunan tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- (k) Jalan raya awam di bawah pengswastaan  
(Perenggan 67A, Jadual 3 ACP)

Perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan, pembinaan semula, penambahan atau menaik taraf jalan raya awam dan struktur sampingan yang mana perbelanjaan itu boleh diperolehi semula melalui pungutan tol menurut perjanjian yang dibuat oleh seseorang dengan Kerajaan, layak sebagai bangunan industri.

**Nota:**

Struktur sampingan termasuk tembok penahan, plaza tol dan kawasan rehat dan rawat tetapi tidak termasuk landskap.

Penambahan termasuk pelebaran atau penyambungan jalan raya awam.

**Contoh 20**

A PLUS Berhad telah memeterai perjanjian dengan Kerajaan untuk menaik taraf jalan di suatu bahagian lebuh raya. Kos perbelanjaan boleh diperolehi semula melalui pungutan tol dalam tempoh 25 tahun. Syarikat telah melakukan perbelanjaan pembinaan jalan raya dan struktur sampingan iaitu plaza tol dan kawasan Rehat dan Rawat.

Jalan raya dan struktur sampingan layak sebagai bangunan industri.

- (l) Bangunan atas dasar bina-pajak-pindah milik  
(Perenggan 67B, Jadual 3 ACP)

Pembinaan bangunan berasaskan perjanjian seseorang dengan Kerajaan atas dasar bina-pajak-pindah milik dan tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan hendaklah dianggap sebagai sebuah bangunan industri.

**Contoh 21**

Ekspres V Sdn Bhd (EVSB) menandatangani perjanjian dengan Kerajaan untuk membina perumahan kos rendah dan sederhana dan sebuah menara pejabat setinggi 10 tingkat. Apabila siap dibina, kedua-dua projek ini akan diserahkan kepada Kerajaan untuk pelaksanaan Projek Perumahan Awam dan digunakan sebagai pejabat kerajaan masing-masing. Perjanjian itu adalah berasaskan kepada bina-pajak-pindah milik dan telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Di bawah perjanjian itu, Kerajaan akan membayar kepada EVSB bayaran pajakan tahunan selama 15 tahun dan Kerajaan akan



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

menanggung semua perbelanjaan penyelenggaraan, cukai tanah dan taksiran.

Rumah dan menara pejabat adalah layak sebagai bangunan industri.

**5. Ringkasan Jenis Bangunan Industri dan Kadar Elaun**

Bil.	Jenis bangunan industri (BI)	Perenggan yang berkaitan dalam Jadual 3 ACP	%	
			Elaun Permulaan	Elaun Tahunan
1.	Kilang, limbungan, dermaga, pangkalan atau jeti, gudang, bangunan untuk pembekalan air, elektrik dan telekomunikasi, bangunan di kebun atau di lombong.	63	10	3
2.	Bangunan yang termasuk dalam definisi 'kilang'.	64(a)		
3.	Bangunan yang digunakan untuk penyimpanan yang bertempat sama dengan kilang.	64(b)		
4.	Bangunan untuk kemudahan pekerja seperti kantin, bilik rehat, bilik rekreasi, tandas, rumah mandi, bilik mandi atau bilik air (dengan syarat terdapat BI yang digunakan dalam perniagaan).	65(1)		
5.	Bangunan untuk kebajikan pekerja dan tempat kediaman pekerja yang bekerja di kebun.	65(2)		
6.	Hospital swasta, rumah bersalin dan rumah rawatan yang berlesen.	37A		
7.	Bangunan yang digunakan untuk	37B		

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

	penyelidikan.			
8.	Gudang.	37C	-	10
9.	Bangunan yang digunakan untuk projek perkhidmatan yang diluluskan.	37E	10	3
10.	Hotel.	37F		
11.	Lapangan terbang.	37G		
12.	Litar lumba kenderaan bermotor.	37H		
13.	Bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman pekerja (dengan syarat terdapat BI yang digunakan dalam perniagaan).	42(1)	40	3
14.	Bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman pekerja yang diperuntukkan oleh orang yang menjalankan perniagaan pengilangan, perhotelan atau pelancongan atau projek perkhidmatan yang diluluskan di bawah Jadual 7B ACP.	42A(1)	-	10
15.	Pusat kemudahan penjagaan kanak-kanak yang diperuntukkan oleh majikan.	42A(2)		
16.	Bangunan untuk sekolah atau institusi pendidikan.	42B		
17.	Bangunan untuk latihan industri, teknikal atau vokasional.	42C		
18.	Jalan raya awam.	67A	10	6
19.	Bangunan atas dasar bina-pajak-pindah milik.	67B		

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**